



Khutbah Aidiladha

1443H / 2022M

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“AIDILADHA: ERATKAN PERSAUDARAAN SESAMA UMMAH – BINA UKHUWAH SESAMA INSAN”

10 Julai 2022 / 10 Zulhijah 1443

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ الْحَمْدُ¹،

اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَّقَنَا لِعِبَادَتِهِ، وَجَعَلَ هَذَا الْيَوْمَ فَرَحًا لِعِبَادِهِ الْمُتَّقِينَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ. فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ³ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُوا إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan ke hadrat Ilahi dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan setiap larangan Nya; mudah-mudahan kita peroleh taufik dan hidayah, diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Khutbah Aidiladha pada pagi yang barakah ini bertajuk: “Aidiladha: Eratkan Persaudaraan Sesama Ummah – Bina Ukhuwah Sesama Insan”

Firman Allah SWT:

﴿وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ يَأْتُوكَ رِجَالًا وَعَلَى كُلِّ ضَامِرٍ يَأْتِينَ مِنْ كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ ﴿٢٧﴾﴾

Bermaksud: Dan serulah manusia untuk mengerjakan ibadah haji, nescaya mereka akan datang kepada (rumah Tuhan) mu dengan berjalan kaki, dan menunggang unta yang kurus yang datangnyanya dari segenap penjuru yang jauh. (Surah Al Haj ayat 27)

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Bulan Zulhijah mengandungi beberapa keistimewaan, bulan yang ditetapkan untuk umat Islam mengerjakan ibadah haji; Rukun Islam kelima, yang disyariatkan dilakukan sekali seumur hidup dengan syarat berkemampuan daripada segi kewangan, kesihatan dan perjalanan.

Ummah dianjurkan meningkatkan amal soleh, antaranya digalakkan berpuasa pada sepuluh hari pertama, terutama pada 9 Zulhijah, hari berlangsungnya wuquf di Padang Arafah, hari yang dijanjikan mustajab doa. Hari Raya Aidiladha, disambut pada 10 Zulhijah. Ummah diseru memperbanyakkan bertakbir pada Hari Raya Aidiladha, diteruskan pada tiga Hari Tasyrik yang berakhir pada 13 Zulhijah. Sambutan Aidiladha berkembar dengan ibadah korban, iaitu sembelihan haiwan yang boleh dilakukan mulai 10 Zulhijah sehingga 13 Zulhijah. Ibadah korban, disyariatkan oleh Allah SWT pada tahun kedua Hijrah bersamaan dengan perintah solat Aidiladha dan membayar zakat. Firman Allah SWT;

﴿فَصَلِّ لِرَبِّكَ وَأَنْحَرْ﴾

Bermaksud: Maka kerjakanlah solat (Aidiladha) kerana Tuhan Mu, dan sembelihlah korban (sebagai ibadah dan dekatkan diri kepada Allah). (Surah Al-Kauthar ayat 2)

Ibadah korban tergolong dalam sunnah muakkad, iaitu amalan sunat yang dituntut untuk dilakukan dalam kalangan orang-orang yang memiliki kemampuan kewangan, bertujuan untuk mendekatkan diri dengan Allah SWT, juga sebagai kesyukuran terhadap apa yang dianugerahi oleh Allah kepada kita yang tidak terhingga banyaknya, antaranya meneruskan usia kita untuk sekali lagi dapat menyambut Aidiladha. Ibadah korban juga membantu menghilangkan sifat tamak dan bakhil, sekali gus meningkatkan perasaan kebersamaan dan kasih sayang daripada golongan kaya kepada golongan yang memerlukan. Menunaikan ibadah korban juga boleh berperanan sebagai penebus dosa kecuali dosa besar berpandukan Sabda Rasulullah SAW:

مَا عَمِلَ ابْنُ آدَمَ مِنْ عَمَلٍ يَوْمَ النَّحْرِ أَحَبَّ إِلَى اللَّهِ مِنْ إِهْرَاقِ الدَّمِ، وَإِنَّهُ لَيُؤْتَى
يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِقُرُونِهَا وَأَشْعَارِهَا وَأَظْلَافِهَا، وَأَنَّ الدَّمَ لَيَقَعُ مِنَ اللَّهِ بِمَكَانٍ قَبْلَ أَنْ يَقَعَ
بِالْأَرْضِ، فَطَيَّبُوا بِهَا نَفْسًا



Bermaksud: Tidak ada satu amalan yang paling dicintai oleh Allah daripada Bani Adam ketika Aidiladha selain menyembelih haiwan korban. Sesungguhnya haiwan itu akan datang pada hari kiamat (sebagai saksi) dengan tanduk, bulu dan kukunya. Dan sesungguhnya darah haiwan korban telah terletak di satu tempat di sisi Allah sebelum mengalir di tanah. Kerana itu, bahagiakan diri mu dengannya. (Riwayat al-Tirmizi)

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ

Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah

Ibadah haji mengandungi pelbagai hikmah, antaranya menghapuskan semua dosa bagi orang yang berjaya melaksanakannya dengan mematuhi rukun dan syarat yang ditetapkan syariat. Sabda Nabi SAW:

مَنْ حَجَّ هَذَا الْبَيْتَ فَلَمْ يَرْفُثْ وَلَمْ يَفْسُقْ، رَجَعَ كَمَا وَلَدَتْهُ أُمُّهُ

Bermaksud: Sesiapa yang menunaikan haji dalam keadaan dia tidak bercakap perkataan yang buruk dan keji serta tidak melakukan perkara yang fasiq maka dia akan kembali sepertimana dia dilahirkan oleh ibunya (iaitu dalam keadaan suci bersih dari dosa).

(Riwayat Bukhari)

Ibadah haji menghimpunkan umat Islam dari seluruh pelosok dunia, berkumpul untuk melakukan pelbagai rukun pada waktu dan tempat yang ditetapkan dengan tujuan yang sama. Ibadah haji menyerlahkan persaudaraan sejagat dalam kalangan ummah yang berlatar belakangkan pelbagai bangsa, budaya, dan bahasa; setiap jemaah tanpa mengira darjat, keturunan, pangkat dan kekayaan, bertaraf seorang hamba yang sama kedudukannya, ketika menjadi tetamu di rumah Allah. Ketika menyampaikan khutbah Hajjatul-Wada' atau Haji Perpisahan, Baginda SAW bersabda yang bermaksud,

“Wahai manusia! Pencipta mu adalah satu, dan nenek moyang mu juga satu. Kamu semua daripada Adam, dan Adam diciptakan daripada tanah. Yang termulia antara kamu di sisi Allah ialah orang-orang yang paling bertakwa. Dan tidak ada kelebihan bagi orang Arab atas orang bukan Arab, bagi orang berkulit merah atas orang berkulit hitam, atau orang berkulit hitam atas orang berkulit merah, jika bukan dengan ketakwaan”.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ



Muslimin Muslimat yang dirahmati Allah

Persaudaraan berlandaskan Islam bukan sekadar mengeratkan hubungan silaturahim, namun merangkumi kesedaran untuk menjamin keadilan dan keharmonian serta memelihara hak orang lain. Justeru itu sistem sosial Islam dibina dengan melarang penindasan, seperti pengharaman riba, mengharamkan rasuah, larangan menipu, serta perintah memelihara hak orang lain. Pesan Baginda SAW, bermaksud “Sesungguhnya darah dan harta benda kalian adalah mulia. Kehormatan diri kalian terpelihara (haram bagi orang lain) sampai kalian menemui Tuhan, dan suci sebagaimana sucinya hari ini (hari Arafah) sebagaimana sucinya bulan ini (Zulhijah), dan seperti sucinya negeri ini (bumi Mekah) dan sekitarnya. Barang siapa memegang amanah di antara kalian, maka hendaknya mengembalikan amanah itu kepada pemiliknya yang berhak”.

Pesanan Baginda SAW yang disabdakan di Padang Arafah pada tahun 10 Hijrah, walaupun telah 1433 tahun berlalu, wajib dihayati dan dijadikan panduan, agar umah yang semakin terpesong, dan umah yang terus berselisih, kembali merapatkan saf, menyatukan hati, lalu melakukan tindakan-tindakan bermanfaat untuk memajukan ummah; serta mengembalikan penghormatan kepada Islam dengan melakukan yang makruf, menegakkan kebenaran serta melaksanakan keadilan; dan memastikan ummah tidak terpesong di bawah pengaruh orang-orang munafik yang bijak bersandiwara, bersifat bermuka-muka, pepat di luar – rencong di dalam, menanam tebu di bibir mulut, tetapi sebenarnya meracuni fikiran hingga menggelincirkan akidah ummah.

Mimbar menyeru sidang jemaah yang dikasihi Illahi

Pertama: Menyambut Aidiladha dengan sifat kesyukuran, memperbanyakkan lafaz takbir membesarkan Allah sepanjang hari ini, diikuti pada hari-hari Tasyrik,

Kedua: Menziarahi saudara-saudara tua, terutama dalam kalangan mereka yang telah uzur, melayani anak-anak yatim, menggembirakan hati orang-orang miskin dan daif dengan menghulurkan sedekah.

Ketiga: Melalui ibadah haji, makhluk ciptaan Illahi dari serata penjuru alam yang pelbagai rupa dan sifatnya dipertemukan; ibadah haji hendaklah dijadikan iktibar untuk ummah mencari titik-titik pertemuan, meskipun berbeza pendapat atau berlainan mazhab, kaum, budaya dan fahaman politik.



Keempat: Bina ukhuwah sesama insan meskipun berlainan agama dan fahaman selaras dengan Firman Allah SWT:

﴿لَا يَنْهَكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُم مِّن دِيَارِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ

اللَّهُ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾

Bermaksud: Allah tidak melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang yang tidak memerangi mu dalam urusan agama dan tidak mengusir kamu dari kampung halaman mu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.

(Al-Mumtahanah ayat 8)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ،
اللَّهُ أَكْبَرُ كَثِيرًا وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا. الْحَمْدُ لِلَّهِ وَحْدَهُ،
صَدَقَ وَعْدُهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ، وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا
اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، أَمَّا بَعْدُ. فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ
وَاطِيعُوهُ! وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَّقِينَ



Hadirin hadirat yang dirahmati Allah,

Sambutlah Aidiladha dengan merapatkan silaturahmi sesama jiran, sanak saudara dan kaum keluarga; eratkan persaudaraan sesama ummah, bina ukhuwah sesama insan, dalam semangat saling menghormati.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ الْحَمْدُ

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁴
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ⁵، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ
وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ الْهُدَى وَالتَّقَى وَالْعِفَافَ
وَالْغِنَى بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal Alamin! Mudahkan para jemaah yang menjadi tetamu Mu di Kaabah menyempurnakan ibadah haji, kurniai mereka keafiatan, jauhi mereka daripada sebarang petaka, selamatkan perjalanan mereka untuk kembali bersama keluarga.

Ya Hafiz, kami pohonkan perlindungan Mu melindungi kami dan keluarga kami daripada sebarang bencana dan kemalangan ketika menyambut Aidiladha, kurniai kami keafiatan dan keselamatan.

Ya Razzaq! Berkati hamba-Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai rezeki yang berlipat ganda kepada mereka, serta sucikan harta dan jiwa mereka.

⁴ Ayat Al-Quran

⁵ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat, seperti menyalahgunakan harta bukan milik kami, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, memberi atau menerima rasuah, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Allah!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.﴾

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ الْحَمْدُ